

26/01/1998

Usah persulit pemilihan parti: Anwar

Norazmi Abdul Talib; Rahman Hashim

MELAKA, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu bekas pemimpin Umno yang tidak aktif lagi supaya tidak mempersulitkan suasana pemilihan parti di peringkat cawangan dan bahagian bermula 16 Februari ini.

Sebaliknya, Timbalan Presiden Umno itu menegaskan mereka perlu sentiasa memberikan kerjasama dengan menghormati keputusan pemilihan dan menjaga kepentingan serta masa depan parti.

"Jangan mempersulitkan keadaan dan jangan beri ruang sehingga berbangkit masalah supaya prinsip perjuangan murni dapat dipertahankan," katanya selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli Badan Perhubungan Umno Melaka di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin serta Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Rustam sebagai timbalan pengerusi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam perjumpaan itu pemimpin Umno diberi peringatan mengendalikan mesyuarat cawangan dan bahagian sebaik mungkin dengan mematuhi prinsip serta etika parti.

"Perjalanan mesyuarat parti mesti sebaik mungkin dan tidak diberi ruang yang boleh membangkitkan masalah," katanya.

Anwar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno berkata, jawatankuasa itu sudah diberi mandat penuh meneliti kes berbangkit dari segi etika serta pemilihan.

Berikutan itu, tegasnya, Abu Zahar juga diarah supaya mengawasi dengan teliti perjalanan mesyuarat cawangan dan bahagian di negeri ini.

"Jika ada masalah berbangkit, rujuk kepada Jawatankuasa Disiplin yang akan turut mengambil kira pandangan Badan Perhubungan Umno negeri," katanya.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan Masjid al-Mohsinin di Pantai Kundor, Anwar menyambut baik keputusan Pergerakan Wanita Umno yang menubuhkan dana khas wanita yang dikenali Pelaburan Ehsan Wanita Umno.

Katanya, penubuhan dana itu adalah praktikal dengan menggalakkan wanita menjual emas serta berlian bagi dilaburkan untuk membeli saham tempatan.

"Pelaburan dengan membeli saham tempatan ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua hari lalu," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, mahu seluruh rakyat bersyukur serta beristighfar di atas kegawatan ekonomi yang melanda negara ini yang tidak terlalu serius berbanding negara lain yang menghadapi masalah sama.

Katanya, kegawatan ekonomi serta kejatuhan nilai ringgit hanya sedikit ujian yang diberikan kerana sebahagian besar bukan atas kawalan kita.

"Kita perlu memperbaiki keadaan dengan mempunyai daya juang tinggi serta berdisiplin dan berjimat," katanya.

Berikutan itu, tegasnya, perbelanjaan dikurangkan kerana pendapatan kerajaan berkurangan berikutan kutipan hasil cukai yang kurang.

Masjid Al-Mohsinin yang bernilai RM6.3 juta diserahkan oleh Presiden serta Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican kepada Anwar sebelum diserahkan pula kepada kerajaan negeri.

Serentak perasmian masjid itu, Anwar turut melancarkan halaman web Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) bagi menyalurkan khutbah kepada masjid di negeri ini.

(END)